

ETR 300

SYARIKAT ASIATICA ASLI SDN. BHD

PENGELUAR JUS PEGAGA SEGERA

DISEDIAKAN OLEH:

NOR ASNANI ABU BAKAR	97417149
NORAZLIN MOHD. NOOR	97101950
SALINA OTHMAN	97248981
SITI SHARINA SHAFIE	97101904

DISEDIAKAN UNTUK:

MOHD. AZHAR OSMAN
PENSYARAH ETR 300
KOORDINATOR MEDEC

Perpustakaan ITM Kedah,
Peti Surat 187,
08400 Merbok
Kedah.

DIPLOMA PERAKAUNAN 05
UITM SG. PETANI
KEDAH

ISI KANDUNGAN

<i>TAJUK</i>	<i>MUKA SURAT</i>
SURAT SERAHAN	2
SURAT PERJANJIAN	3-4
PENGENALAN	5-6
LATAR BELAKANG PROJEK	8
LOGO ORGANISASI	9-10
LATAR BELAKANG AHLI PERKONGSIAN	12-13
RANCANGAN PENTADBIRAN	15-24
RANCANGAN PEMASARAN	25-36
RANCANGAN OPERASI	37-51
RANCANGAN KEWANGAN	62-65
LAMPIRAN	

PENGENALAN

Sejak turun temurun lagi masyarakat kita telah pun mengamalkan penggunaan barangan herba sebagai ubat bagi mengatasi segala jenis penyakit. Atas alasan kaedah inilah Syarikat Asiatica.Asli Sdn Bhd. diasaskan . Rantau Asia Tenggara dengan hutan tropika khatulistiwa sememangnya kaya dengan tumbuhan herba. Sejak dahulu lagi pemakanan herba telah pun menjadi amalan untuk mengatasi masalah kesihatan . Hidup sihat berasaskan herba kini memasuki era moden.

Dengan adanya pengiktirafan kerajaan terhadap penggunaan herba pada tahun 1997 maka sambutan dikalangan pengguna amat menggalakan. Ini dapat dilihat apabila banyak barangan herba dijual di pasaraya contoh jamu, tonik makjun dan sebagainya. Selain itu keberkesanan barangan herba terutamanya pegaga atau dikenali dengan nama saintifiknya Centella Asiatica tidak dapat dipertikaikan .Khasiatnya yang utama ialah mencergaskan otak dan kesegaran badan serta mengurangkan kepanasan badan.

Walaupun sekarang terdapat banyak ubatan moden namun permintaan terhadap barangan herba masih mendapat tempat kerana ubatan berunsur herba tidak mengandungi bahan kimia yang boleh meninggalkan kesan sampingan. Tetapi ubatan moden kebanyakannya mengandungi bahan kimia yang memberi kesan dalam jangka masa panjang. Selain itu harga ubatan moden jauh lebih mahal berbanding ubatan tradisional.Ini kerana bahan mentah ubatan tradisional diperolehi daripada sumber-sumber tempatan. Tambahan pula penggunaan daun-daun herba serta akar kayu tidak asing lagi dalam masyarakat kita.

Oleh kerana perkembangan yang menggalakkan dalam sektor perubatan tradisional serta perkembangan teknologi mendorong kami menubuhkan Syarikat Asiatica Asli Sdn.Bhd. untuk mengeluarkan jus pegaga segera. Syarikat ini merupakan sebuah syarikat perkongsian yang terdiri daripada 4 orang rakan kongsi. Ia dijangkakan bermula pada 1/1/2002 bertempat di bandar Sg. Petani, Kedah. Kami yakin syarikat ini berdaya maju di masa hadapan kerana faktor-faktor berikut:

- a) Sambutan yang menggalakkan terhadap barangan herba.
- b) Kesedaran masyarakat terhadap khasiat barangan herba
- c) Inisiatif kerajaan terhadap usahawan Bumiputera.

Kami berharap semoga Syarikat Asiatica Asli dapat melangkah dengan lebih jauh serta dapat meningkatkan taraf ekonomi negara di samping mewujudkan peluang perkerjaan kepada masyarakat kepada setempat.

PENTADBIRAN

MISI DAN OBJEKTIF

MISI :

Menghasilkan produk kesihatan berasaskan herba asli yang bermutu serta berkesan untuk semua lapisan masyarakat.

OBJEKTIF :

Matlamat syarikat kami adalah untuk menjadikan :

1. Syarikat Asiatica Asli Sdn. Bhd yang terbaik dan terkenal dalam membekalkan jus pegaga dan ~~teh-herba~~ dalam daerah Kuala Muda.
2. Membuktikan kepada masyarakat bahawa syarikat kami merupakan syarikat bumiputera yang berkebolehan, berdaya maju, efisien, dan berkualiti
3. Mendapatkan keuntungan yang maksima mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh Islam.
4. Mewujudkan sebuah organisasi yang cekap, sistematik, dan disegani serta dihormati pelanggan dan pesaing-pesaing lain.
5. Menjadi pengeluar utama dan menguasai pasaran tempatan dalam sektor pengeluaran produk herba.
6. Mengeluarkan produk pada tahap yang paling maksima dan meminimumkan kos.

PENGENALAN

Pemasaran merupakan satu aspek yang penting di dalam perniagaan yang dapat membantu sesebuah perniagaan itu berjaya. Oleh itu dalam menjamin kejayaan sebuah perniagaan penganalisaan harga pasaran amat penting dan diperlukan sebelum sesebuah perniagaan memasuki pasaran. Untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan maka kajian mengenai konsep-konsep berkaitan dengan pemasaran amat diperlukan. Syarikat kami amat teliti dalam menganalisis aspek pasaran kerana untung rugi syarikat amat bergantung kepada keberkesanan pemasaran.

BENTUK PEMASARAN

Syarikat Asiatica Asli Sdn Bhd adalah sebuah perniagaan perkongsian yang menjalankan perniagaan yang mengeluarkan jus pegaga segera. Perniagaan ini dilihat dapat berkembang pada masa hadapan kerana pasaran tempatan masih kekurangan minuman berunsur herba asli terutamanya dibandar-bandar besar seperti Sungai Petani, Alor Setar dan Butterworth.

Oleh itu syarikat kami merancang strategi pemasaran tersendiri. Ini bertujuan untuk meningkatkan mutu, mengawal produk, memenuhi permintaan pengguna dan beberapa faktor lain. Oleh kerana syarikat kami mengeluarkan jus pegaga segera maka adalah penting bagi kami dalam memenuhi permintaan pelanggan. Mutu yang dimaksudkan ialah mutu pati pegaga, bahan-bahan sampingan dan mutu pembungkusan produk.

Pengawalan produk pula haruslah bertepatan dengan peringkat-peringkat permintaan pasaran dan proses pemasaran produk haruslah selari dengan permintaan. Ini penting untuk pengawalan harga kerana jika jumlah penawaran melebihi permintaan harga produk akan jatuh. Oleh itu jus pegaga segera adalah minuman untuk bukan sahaja menghilangkan dahaga tetapi baik untuk kesihatan dan sebab itulah permintaan sentiasa wujud.

PERANCANGAN PRODUK DAN PERKHIDMATAN YANG DITAWARKAN

Syarikat kami menawarkan jus pegaga segera kepada pelanggan yang memerlukan minuman berkhasiat. Selain itu kami juga menawarkan perkhidmatan khidmat nasihat dan penghantaran selepas jualan.

SASARAN PASARAN

Mengikut kajian kawasan Sungai Petani dan sekitar kawasan yang berhampiran dengannya semakin membangun. Mengikut statistik Majlis Daerah Sungai Petani kenaikan penduduk dianggarkan sebanyak 2.5% setiap tahun. Ini bermakna permintaan penduduk terhadap produk minuman bertambah. Berdasarkan faktor geografik kawasan operasi kami iaitu di Sungai Lalang terletak lebih kurang 4km dari bandar Sungai Petani. Ini bermakna kawasan sasaran